

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
(KETEREH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2016

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [KETEREH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar hutang negara pada tahun 1985, 1995, 2005, 2015 hingga terkini dan keyakinan terhadap prospek pembayaran balik hutang berdasarkan kemampuan fiskal dan pertumbuhan ekonomi domestik bagi menyangkal dakwaan negara bakal muflis ekoran kadar KDNK telah mencecah 53.4 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kadar hutang Kerajaan Persekutuan pada tahun 1985 adalah berjumlah RM63.9 bilion, 1995 (RM91.4 bilion), 2005 (RM228.7 bilion) dan pada akhir 2015 (RM 630.7 billion). Manakala, sehingga akhir Jun 2016, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM655.7 bilion atau 53.2% daripada KDNK. Daripada jumlah itu, sebanyak RM628.8 bilion (95.9%) adalah dari sumber domestik manakala sebahagian kecil iaitu RM26.9 bilion (4.1%) daripada sumber luar pesisir

3. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman kasar tahunan dengan mengambil kira keperluan untuk membayar balik hutang yang matang serta membiayai defisit. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bayaran pokok dan faedah sentiasa dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran faedah merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain di buat dan sehingga kini, Kerajaan **tidak pernah** gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.

4. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan

terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Ini telah terbukti dengan paras defisit telah berjaya dikurangkan daripada 6.7% daripada KDNK pada tahun 2009 kepada 3.2% daripada KDNK pada tahun 2015 dan diunjurkan akan terus berkurangan kepada 3.1% pada 2016. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.

5. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), Kerajaan juga mengunjurkan paras hutang Kerajaan Persekutuan akan terus berkurang ke paras 43.4% daripada KDNK. Justeru, berdasarkan langkah-langkah konsolidasi dan kepatuhan kepada disiplin kewangan, Kerajaan yakin dan akan memastikan negara tidak akan menjadi negara bankrap seperti Greece atau muflis dan seumpamanya.